

# **“KERAJAAN TIDAK PERNAH MENINDAS KAMI”**

## **VIDEO BUKTI HIDUP DARI CHINA SEBAGAI UGUTAN DAN PELANGGARAN PERPADUAN KELUARGA UYGHUR**

### **RUMUSAN EKSEKUTIF**

Pada Februari 2019, pegawai kerajaan China telah mengeluarkan buat pertama kalinya video bukti hidup (*proof-of-life*) yang menampilkan seorang warga Uyghur. Rakaman tersebut adalah percubaan untuk menidakkan laporan berita antarabangsa bahawa pemuzik terkenal Abdurehim Heyit telah meninggal dunia dalam tahanan negara tersebut. Video bukti hidup secara tebusan yang memaparkan warga Uyghur sebagai subjek telah berleluasa dalam tempoh dua tahun sejak itu. Laporan ini telah mengenal pasti dan menganalisis corak yang boleh diperhatikan dalam penggambaran yang dikeluarkan negara tersebut tentang warga Uyghur yang hilang, menghujahkan bahawa video ‘bukti hidup’ yang banyak dirancang bukanlah bukti sah kebebasan Uyghur, tetapi sebaliknya bukti lanjut tentang kesalahan negara China untuk jenayah kekejaman.

Subjek video bukti kehidupan ini sering, walaupun tidak kerap, merupakan ahli keluarga aktivis Uyghur yang tinggal di luar tanah air mereka, Timur Turkistan (AKA 'Xinjiang'). Apa yang sering dimiliki oleh aktivis diaspora ini ialah mereka semua berkempen atau pernah berkempen untuk kehilangan saudara mara mereka di Timur Turkistan, mereka bimbang ahli keluarga mereka telah hilang dalam beberapa bentuk tahanan negara tersebut yang luar dari sistem undang-undang. Aktivis Uyghur didorong oleh keinginan untuk menuntut maklumat tentang keselamatan, kesejahteraan, dan lokasi saudara dan rakan mereka ditempatkan. Media negara China telah bertindak balas terhadap aktivisme oleh beberapa orang Uyghur dengan video bukti kehidupan, yang sering digunakan sebagai alat untuk menyampaikan maklumat yang salah, bersifat ugutan dan menakutkan.

Laporan ini telah diambil daripada video dan temu bual, serta laporan media, akademik dan laporan dari NGO untuk menerangkan dan menganalisis tema, kesan dan implikasi video bukti kehidupan tersebut. Pengenalan (hlm. 2) menerangkan ciri-ciri video bukti kehidupan dengan terperinci. Bahagian II (hlm. 6) menerangkan dan menganalisis ciri-ciri ini dengan lebih terperinci, mengemukakan banyak video yang mempunyai corak yang boleh dijalankan pemerhatian, yang menunjukkan

bahawa pembuatan video tersebut adalah berdasarkan skrip dan bukan oleh subjek video itu sendiri. Bahagian III (hlm. 17) akan meneroka perkembangan video ini dari semasa ke semasa, mencatatkan bagaimana ciri-ciri tersebut telah berkembang sebagai tindak balas kepada tindakan diplomatik. Bahagian IV (hlm. 25) menguatkan kisah aktivis Uyghur yang mana ahli keluarganya telah dirakam dalam video bukti kehidupan tersebut, meneroka impak video tersebut terhadap orang yang mereka dimaksudkan untuk dilenyapkan. Akhir sekali, Bahagian V (hlm. 32) meletakkan penempatan video tersebut oleh kerajaan China dalam undang-undang China dan antarabangsa.

Laporan ini diakhiri dengan cadangan yang disasarkan kepada Parti Komunis China (PKC), aktor politik antarabangsa, dan aktivis Uyghur sendiri (hlm. 39). Kami meminta PKC membuat kenyataan umum dan mengemukakan rekod yang telus tentang keberadaan tahanan, termasuk etnik Uyghur, Kazakh, dan individu lain yang turut ditahan di pusat tahanan, kem tahanan, penjara, pengaturan buruh paksa, atau di bawah tahanan rumah. Langkah mudah ini membolehkan aktivis Uyghur mengetahui di mana orang tersayang mereka berada di samping memenuhi norma antarabangsa mengenai layanan selamat dan kesejahteraan individu yang ditahan.

Kami mengesyorkan agar ahli masyarakat antarabangsa mengambil serius video bukti hidup yang dikemukakan sebagai video bersifat tebusan yang cuba memfitnah dan memburukkan aktivis Uyghur diperingkat luar negara. Dengan matlamat untuk menjadi kuasa besar dunia, PKC telah memulakan usaha untuk membentangkan dasar-dasarnya di Timur Turkistan sebagai suatu tindakan yang positif. PKC mengambil berat tentang reputasi antarabangsanya, dan masyarakat antarabangsa mesti memanfaatkan fakta ini untuk menggalakkan perubahan positif berlaku di negara tersebut.